

BAB 18

PELABURAN SIMPANAN TETAP

18.1 PELABURAN DALAM SIMPANAN TETAP

18.1.1 Universiti hendaklah melaburkan dana yang belum digunakan dalam simpanan tetap bagi meningkatkan pendapatan dan pada masa yang sama hendaklah memastikan risiko diminimalkan. Pelaburan yang dibuat itu hendaklah dilakukan oleh staf yang diberi kuasa dan diakaunkan dengan tepat. Pemilihan polisi pelaburan hendaklah mengambilkira tahap kecairan, tahap risiko yang boleh diterima dan pulangan yang berpatutan bagi pelaburan yang dibuat.

18.2 KLASIFIKASI PELABURAN

18.2.1 Pelaburan diklasifikasikan seperti berikut:

18.2.1.1 Pelaburan Kumpulan Wang Amanah

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah Pelaburan-Pelaburan yang dibuat dari Kumpulan Wang Amanah selaras dengan suratcara amanah (Sek. 10, Akta Prosedur Kewangan 1957), arahan amanah (Sek. 9, Akta Prosedur Kewangan 1957) dan juga peraturan yang dikuat kuasakan; dan

18.2.1.2 Pelaburan Am

Pelaburan am adalah semua Pelaburan yang dibuat daripada lebihan Akaun Hasil Disatukan selain daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

18.3 KRITERIA PEMILIHAN INSTITUSI KEWANGAN

18.3.1 Kriteria-kriteria seperti perkhidmatan yang segera, jenis-jenis pelaburan yang ditawarkan, kadar pulangan yang ditawarkan, kualiti nasihat pelaburan, caj perkhidmatan dan transaksi boleh digunakan sebagai asas untuk menentukan institusi kewangan yang dipilih berdasarkan senarai yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

18.4 REKOD-REKOD PELABURAN

18.4.1 Semua transaksi berkaitan pelaburan perlu diuruskan oleh staf yang diberi kuasa dan direkodkan dalam daftar pelaburan simpanan tetap bagi semua urusan pembelian, penjualan dan rekod keluar/masuk sijil-sijil pelaburan simpanan tetap.

18.4.2 Laporan bulanan terperinci berkaitan aktiviti pelaburan simpanan tetap hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh Bendahari.

18.4.3 Sebarang pelarasan berkaitan dengan pelaburan simpanan tetap dan lejar hendaklah diluluskan oleh staf yang diberi kuasa. Mana-mana pelarasan yang melibatkan institusi kewangan, semakan dokumen hendaklah dibuat termasuk jumlah yang direkod dan sijil yang terdapat dengan institusi kewangan yang berkenaan.

18.5 PERLINDUNGAN SIJIL-SIJIL DAN REKOD PELABURAN

18.5.1 Semua dokumen-dokumen pelaburan simpanan tetap hendaklah diurus dengan sempurna dan disimpan dengan selamat, dikawal daripada kecurian, penyalahgunaan dan kemusnahan. Tempat penyimpanan hendaklah hanya boleh diakses oleh staf yang dibenarkan sahaja.

18.6 SIJIL PELABURAN DAN RESIT PENYIMPANAN

18.6.1 Semua pembayaran ke atas pelaburan simpanan tetap hendaklah mempunyai akuan terimaan berserta bukti-bukti pelaburan seperti sijil, bon, nota, buku simpanan atau lain-lain.

18.7 DAFTAR PELABURAN

18.7.1 Daftar pelaburan hendaklah dikemaskini setiap kali berlakunya perubahan termasuk penyata sijil yang diterima lewat selepas penyelesaian, urusan pembelian, penjualan dan rekod keluar/masuk sijil-sijil pelaburan simpanan tetap.